

Adakan sesi penerangan sebelum laksana subsidi petrol bersasar

JITRA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan pertemuan dengan pemegang taruh dan agensi media bagi menyampaik-kan maklumat berkaitan pelaksanaan subsidi petrol bersasar sebelum ia diperkenalkan tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail

berkata, antara pemegang taruh itu ialah persatuan pengguna, pengusaha stesen minyak, syarikat minyak dan agensi lain seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

"Penglibatan pemegang taruh ini telah bermula dan sesi penerangan itu akan diteruskan dari semasa ke semasa. Kita

sangat komited untuk sampaikan maklumat kepada mereka.

"Contohnya, sebelum ini kita berjumpa dengan editor kanan agensi media di mana tujuan perjumpaan itu adalah supaya rakyat dapat memperoleh maklumat terkini, tepat dan sahih

berkaitan pelaksanaan ini," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai perkembangan pelaksanaan subsidi petrol bersasar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Saifuddin Nasution berkata, kementeriananya bersama Kementerian Kewangan dalam proses menyediakan kertas itu dengan menumpukan kepada keperluan dan cadangan yang meluru-ruk bagi memastikan pelaksanaan itu dapat memberi manfaat kepada golongan bersasar. - Bernama

Beliau berkata, pihak media juga diharapkan dapat memainkan peranan membantu memberi penerangan kepada rakyat apabila pelaksanaan subsidi bersasar itu diperkenalkan kelak. Sesi penerangan kepada golongan bersasar juga akan di-mulakan dalam masa terdekat sebaik sahaja kertas Kabinet berkaitan perkara itu dilulus-